



15 Januari 2013  
15 January 2013  
P.U. (A) 10

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA (PENGUNDIAN POS) (PINDAAN) 2013

### *ELECTIONS (POSTAL VOTING) (AMENDMENT) REGULATIONS 2013*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PILIHAN RAYA 1958

PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA (PENGUNDIAN POS) (PINDAAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 16 Akta Pilihan Raya 1958 [Akta 19], Suruhanjaya Pilihan Raya, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) (Pindaan) 2013.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Januari 2013.

**Pindaan peraturan 3**

2. Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 [P.U. (A) 185/2003], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 3 –

(a) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “dengan menggunakan Borang 1 dalam Jadual” dengan perkataan “mengikut cara yang ditentukan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya”; dan

(b) dengan menggantikan subperaturan (3) dan (4) dengan subperaturan yang berikut:

“(3) Permohonan itu hendaklah dibuat kepada Suruhanjaya Pilihan Raya dan masa untuk membuat permohonan itu akan ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(4) Jika sesuatu permohonan diluluskan, Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah memberitahu pemohon sedemikian mengikut cara